

Pencabulan kuasa besar ke atas negara kecil masih berleluasa — Dr. M

Oleh ANI AWANG

BANGI 30 April — Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, pencabulan terhadap penguatkuasaan undang-undang yang dilakukan oleh negara-negara kuasa besar dengan mencero boh negara kecil masih berleluasa.

Menurut bekas Perdana Menteri, ini berlaku apabila kuasa-kuasa besar dengan sewenang-wenangnya bertindak di luar wilayah milik mereka tanpa mempedulikan undang-undang sedia di negara yang diceroboh itu.

Tanpa menyebut negara kuasa besar tersebut, Dr. Mahathir berkata, negara berkenaan menghantar tentera ke sebuah negara kecil untuk menangkap presiden dan membawanya ke negara besar untuk dibicara di bawah undang-undang negara itu.

“Ini jelas terdapat kontradiksi dalam ‘Rule of Law’ (pemerintahan mengikut undang-undang) kerana pelaksanaan akan menyebabkan ketidakadilan berlaku.

“Oleh itu, undang-undang

mestilah mematuhi konsep dan takrif keadilan yang boleh diterima oleh masyarakat sesebuah negara,” katanya.

Dr. Mahathir berkata demikian dalam ucapannya selepas menerima Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang dari Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar Tuanku Abdul Rahman pada majlis Konvokesyen Khas di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (Dectar) di UKM, di sini hari ini.

Bukti

Hadir sama ialah Tuanku Najihah Almarhum Tunku Besar Burhanuddin; isteri Tun Dr. Mahathir, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Menteri Pelajaran Tinggi, Datuk Dr. Shafie Mohd. Salleh.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir menggesa para pendakwa, hakim dan peguam di negara ini sentiasa ikhlas dan jujur dalam mendengar dan menimbang bukti dan hujah yang dikemukakan mengikut lunas-lunas undang-undang.

Kata beliau, ini kerana segala keputusan dan hukuman hendaklah dibuat mengikut undang-undang sedia ada di negara ini.

“Undang-undang semata-mata tidak menjamin keadilan walaupun pelaksanaan sesuatu undang-undang itu berkesan bagi membendung jenayah dan ketidakadilan daripada berleluasa dalam masyarakat.

“Negara kita menghormati undang-undang kerana tidak ada pengecualian bagi sesiapa dalam penguatkuasaan undang-undang,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, undang-undang boleh membantu proses mencari keadilan tetapi tidak untuk menjamin keadilan dicapai.

“Undang-undang Islam tetap adil dan tidak salah tetapi tafsiran oleh manusia yang menampakkan undang-undang Islam tidak adil dan salah kerana ia mudah diputarbelit oleh pengamal-pengamal yang di pelbagai peringkat,” katanya.



TUANKU JA'AFAR Tuanku Abdul Rahman menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang kepada Dr. Mahathir Mohamad pada majlis Konvokesyen Khas di Dewan Canselor UKM, Bangi, Selangor, semalam. — Gambar BERNAMA